Cangkat Jering Sdn Bhd dan satu lagi v Normayati bte Alias dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN) — RAYUAN SIVIL NO 12–32 TAHUN 1997
BAHARUDIN SHAH H
26 FEBRUARI 2003

Acara Sivil *— Rayuan — Memorandum rayuan — Pemfailan dan penyerahan memorandum rayuan — Tempoh diperuntukkan di bawah A 55 k 2 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 — Perayu lewat menyerahkan memorandum rayuan — Sama ada anggapan bahawa perayu tidak lagi berhasrat untuk meneruskan rayuan boleh dikenakan — Sama ada rayuan boleh diteruskan — Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 55 kk 2 dan 4(3)*

Perayu telah merayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen. Semasa pendengaran rayuan, peguam responden telah membangkitkan bantahan awal mengenai penyerahan rekod rayuan serta bayaran deposit. Notis memorandum rayuan yang bertarikh 13 November 1997 daripada pendaftar mahkamah sesyen dan memorandum rayuan serta Borang 141 telah diterima oleh peguam perayu pada 14 November 1997. Ianya telah difailkan di mahkamah pada 27 November 1997 dan pada 29 November 1997, telah diserahkan kepada peguam responden. Berkenaan dengan cagaran kos rayuan, ianya telah dibayar oleh peguam perayu ke mahkamah pada 28 Disember 1997.

Diputuskan, menerima bantahan awal responden dan membatalkan rayuan perayu dengan kos, deposit dibayar kepada responden:

(1) Mengikut A 55 k 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'), memorandum rayuan perlu difailkan dan diserahkan kepada pihak lawan dalam tempoh dua minggu dari tarikh penerimaan Borang 141. Ini tidak dipatuhi oleh pihak perayu dan oleh itu bolehlah dianggap yang pihak perayu tidak berhasrat untuk meneruskan rayuan. Tarikh terakhir untuk pemfailan Memorandum Rayuan dikira dari tarikh Borang 141 diterima, iaitu 28 November 1997. Walaupun memorandum rayuan telah difailkan mengikut tempoh iaitu pada 27 November 1997, namun demikian penyerahannya kepada peguam responden pada 29 November 1997 adalah di luar tempoh. Keadaan ini menggerakkan A 55 k 4(3) KMT yang memperuntukkan bahawa jika memorandum rayuan tidak difail atau diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan dan tiada alasan yang mencukupi ditunjukkan bagi kelewatan itu maka rayuan itu boleh ditolak; *Ramli bin Zakaria & Ors v Jusoh bin Hussain* [1993] 3 MLJ 756 dibeza. Di sini bukan sahaja perayu lewat menyerahkan memorandum rayuan tetapi langsung gagal menjelaskan sebab kelewatannya itu. Kegagalan sedemikian tidak memberi ruang

kepada mahkamah untuk memberi kelonggaran kerana tiada asas untuk berbuat demikian (lihat ms 550B–C, 551B–D). A

(2) Mengenai cagaran kos yang diakui hanya dibayar ke mahkamah di luar tempoh, A 49 k 2(5)(b) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR') jelas mengkehendaki ianya dibayar dalam tempoh dua minggu daripada penerimaan Borang 141. Kegagalan mematuhinya adalah membawa padah kerana bayaran sedemikian diperuntukkan dengan jelas sebagai suatu kemestian melainkan mahkamah memerintahkan sebaliknya dan itu pun hanya dibenarkan atas sebab yang mencukupi. Di dalam kes semasa, walaupun perayu dan/atau peguamnya mengetahui bahawa mereka tidak mematuhi peruntukan tersebut, tiada sebarang permohonan perlanjutan masa difailkan yang boleh menunujukkan alasan yang memadai dan munasabah bagi kelewatan tersebut untuk diberi pertimbangan. Juga tidak ditunjukkan apa-apa sebab bagi membolehkan mahkamah ini membenarkan lanjutan tempoh. Aturan 49 k 2(5)(b) KMR menetapkan bahawa kuasa berbuat demikian hanya ada pada mahkamah yang dirayu sahaja. Begitu juga diperuntukkan oleh A 3 k 5 KMR. Dalam keadaan yang wujud di sini ia semestinya menunjukkan pihak perayu tidak lagi berhasrat untuk meneruskan dengan rayuannya. Mana-mana pihak dalam sesuatu prosiding tidak wajar dibiarkan dengan sewenang-wenangnya tidak mematuhi peruntukkan undang-undang dan kemudian menuntut diberi kelonggaran tanpa asas dan seolah-olah ia berhak (lihat ms 551H–I, 552B–D). B C D E

[English summary F

The appellant appealed against the decision of the sessions court judge. During the hearing of the appeal, the respondent's counsel had raised a preliminary objection regarding the delivery of the record of appeal and the deposit payment. The notice of memorandum of appeal dated 13 November 1997 from the registrar of the sessions court and the memorandum of appeal and the Form 141 was received by the appellant's counsel on 14 November 1997. It had been filed in court on 27 November 1997 and on 29 November 1997, had been served to the respondent's counsel. Regarding the appeal's security for costs, it had been paid by the appellant's counsel to court on 28 December 1997. G H

Held, allowing the respondent's preliminary objection and striking out the appellant's appeal with costs, deposit to be paid to the respondent:

(1) By virtue of O 55 r 2 of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC'), the memorandum of appeal should be filed and served to the opposing party within two weeks from the date of receipt of I

Form 141. This was not complied with by the appellant and thus it could be said that the appellant did not wish to continue the appeal. The last date for filing the memorandum of appeal was calculated from the date Form 141 was received, ie 28 November 1997. Whilst the memorandum of appeal was filed according to the time specified that was on 27 November 1997, nevertheless its service to the respondent's counsel on 29 November 1997 was out of time. This situation as stated in O 55 r 4(3) of the RHC provides that if the memorandum of appeal is not filed or served within the time specified and no sufficient grounds is shown for the delay thus the appeal ought to be dismissed; *Ramli bin Zakaria & Ors v Jusoh bin Hussain* [1993] 3 MLJ 756 distinguished. Here not only the appellant was late in serving the memorandum of appeal but totally failed to explain the reason for the delay. Such failure gives no room for the court to give any leniency as there was no basis to do as such (see pp 550B–C, 551B–D).

(2) With regards to the security for costs which was said to have been paid out of time, O 49 r 2(5)(b) of the Subordinate Courts Rules 1980 ('the SCR') clearly requires it to be paid within two weeks from the receipt of Form 141. The failure to comply was detrimental as it is clearly provided that such payment is a must unless the court orders otherwise and that also if permitted based on sufficient reason. In the instant case, even though the appellant and/or its counsel knew that they did not comply with the provision, no application for extension of time was filed that could show reasonable and sufficient ground for the delay was available to be considered. Also no reason was shown to enable this court to grant an extension of time. Order 49 r 2(5)(b) of the SCR stipulates that the authority to do as such only vests in the court where the appeal is made. It is also provided in O 3 r 5 of the SCR. With the existing situation here it must be shown that the appellant had no more intention to continue the appeal. Any party to a proceeding should not be allowed to act as he likes and not comply the provision in law and then asking to be given some leniency without any basis and as if he had a right (see pp 551H–I, 552B–D).]

Notes

Untuk kes-kes mengenai memorandum rayuan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 970–977.

Cases referred to

Elayachee v Woo Siu Tip [1991] 3 MLJ 108 (dirujuk)

Kuching Pharmacy Sdn Bhd v JL Morison Son & Jones (M) Sdn Bhd [1990] 2 MLJ 170 (dirujuk)

Latchman Singh & Sons v Tan Kian [1991] 1 CLJ 128, [1605] MD 2 (dirujuk)

Liew Chee Tat v Lok Moon & Ors (1972) 2 MLJ 29 (dirujuk) A
Parasuraman v Sazali bin Akhir & Anor [1993] 1 MLJ 195 (dirujuk)
Ramli bin Zakaria & Ors v Jusoh bin Hussain [1993] 3 MLJ 756 (dibeza)
Shafie bin Ahmad v Hajjah Fatimah bte Ahmad & 3 Ors [1991] 3 CLJ 2217, [251] MD 2 (dirujuk)
Siang Galau v Ang Wak Hiong [1994] 1 MLJ 42 (dirujuk) B
Tan Lee Hong v Letchmee c/o Varathen (1994) 1 MLJ 515 (dirujuk)
UMBC v Ernest Cheong Yong Yin [2001] 2 MLJ 561, [2001] 2 CLJ 31

Legislation referred to C

Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 1 k 6, A 3 k 5, A 49 kk 2(5)(b), 3A(3)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 2 k 1, A 55 kk 2, 4(3)

Vignesh Kumar Krishnasamy (*Balendran Chong & Bodi*) bagi pihak perayu. D
Dato' Muhamad Ariff Mahindar (*Mahindar & Co*) bagi pihak responden.

Baharudin Shah H: Ini adalah rayuan terhadap keseluruhan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen, Kuantan yang telah memutuskan bahawa pçrayu adalah 50% dan Abdullah bin Yahya, si mati adalah 50% dipersalahkan atas kemalangan yang berlaku. E

Semasa pendengaran rayuan pada 12 Julai 2001, peguam responden iaitu Dato' Muhamad Ariff Mahindar telah membangkitkan bantahan awal mengenai penyerahan rekod rayuan serta bayaran deposit. Oleh itu, beliau menyarankan agar permohonan penangguhan singkat oleh peguam perayu untuk membuat semakan mengenai kedudukan ini tidak dibenarkan. F
Peguam responden yang bijaksana itu berhujah oleh kerana memorandum rayuan tidak diserahkan kepada pihaknya dalam tempoh yang ditetapkan, bermakna tiada rayuan sebenarnya di Mahkamah Tinggi sekarang dan dengan merujuk kepada A 49 k 2(5)(b) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR'), beliau menambah deposit yang dikehendaki mengikut peruntukan itu juga dibayar di luar tempoh. G

Mahkamah kemudiannya telah menangguhkan pendengaran rayuan ini ke sesi petang untuk semakan dibuat mengenai perkara ini.

Apabila kes dipanggil semula dengan kehadiran pihak-pihak yang sama pada sebelah petangnya, peguam perayu yang bijaksana, En Vignesh H
Kumar, di dalam hujahan balasnya menyatakan bahawa mengikut rekod memorandum rayuan tersebut telah diserahkan dalam tempoh. Menurutnya, notis bertarikh 13 November 1997 daripada pendaftar mahkamah sesyen diterima pada 14 November 1997 dan memorandum rayuan diserahkan kepada peguam responden pada 29 November 1997 dan telah difailkan di mahkamah pada 27 November 1997. Oleh itu, beliau I
menghujahkan penyerahan itu dibuat dalam tempoh enam minggu mengikut A 49 k 3A(3) KMR. Peguam seterusnya merujuk kepada kes-kes

A *Shafie bin Ahmad v Hajjah Fatimah bte Ahmad & 3 Ors* [1991] 3 CLJ 2217 (juga [251] MD 2) dan *Kuching Pharmacy Sdn Bhd v JL Morison Son & Jones (M) Sdn Bhd* [1990] 2 MLJ 170. Berkenaan cagaran kos rayuan, peguam perayu mengakui bahawa ianya hanya dibayar pada 28 Disember 1997. Berdasarkan hujahan yang sama, beliau mengatakan oleh kerana mereka mempunyai enam minggu untuk memfailkan memorandum rayuan
B mereka juga mempunyai enam minggu untuk membayar deposit itu. Tambahnya lagi, dalam apa-apa keadaan sekali pun, deposit itu telah diterima oleh mahkamah. Beliau menarik perhatian mahkamah kepada kes *Ramli bin Zakaria & Ors v Jusoh bin Hussain* [1993] 3 MLJ 756 sebagai analogi dan menyatakan bahawa mahkamah mempunyai budibicara untuk
C menerima deposit selepas memorandum difailkan. Dengan itu beliau menghujahkan rayuan ini adalah sempurna di hadapan mahkamah.

Selanjutnya, beliau berhujah ketakpatuhan itu hanyalah suatu luar aturan yang boleh diperbetulkan di bawah A 2 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Ujarnya lagi, mahkamah mempunyai
D budibicara untuk membenarkan rayuan di bawah kuasa-kuasa sedia ada mahkamah (inherent jurisdiction). Oleh itu, beliau menghujahkan bantahan awal tersebut sepatutnya ditolak dengan berlandaskan kes *UMBC v Ernest Cheong Yong Yin* [2001] 2 CLJ 31 di ms 36–37 (juga [2001] 1 MLJ 561).

E Di akhir hujahan, peguam menyatakan tiada prejudis berlaku ke atas responden walaupun deposit itu lewat dibayar dan dalam apa-apa keadaan sekalipun ianya telah dibayar.

Di dalam hujahan balasnya, peguam bijaksana bagi pihak responden menyatakan mengenai kes-kes yang telah dirujuk oleh peguam perayu,
F bahawa A 49 k 3A KMR tidak menyentuh apa-apa yang berkaitan memorandum rayuan. Menurutnya hanya KMT memperuntukkan mengenai pemfailan dan penyerahan memorandum rayuan. Berkenaan cagaran kos rayuan, beliau berkata A 49 k 2(5) KMR secara jelasnya memperuntukkan pembayaran hendaklah dibuat dalam masa dua minggu. Oleh itu, hujahnya kegagalan mematuhinya adalah membawa padah.

G

Keputusan mahkamah

Di dalam kes ini, tidak dipertikaikan bahawa keputusan telah diumumkan oleh hakim mahkamah sesyen yang arif pada 12 Julai 1997 dan notis rayuan difailkan mengikut tempoh oleh pihak perayu. Adalah juga tidak dinafikan
H bahawa pada 13 November 1997, notis telah diberi kepada peguamcara perayu bahawa salinan-salinan nota keterangan dan alasan penghakiman telah sedia untuk diambil dan peguam perayu sendiri mengakui telah menerima Borang 141 tersebut pada 14 November 1997.

Seperti dihujah oleh pihak responden, peruntukan mengenai pemfailan
I dan penyerahan memorandum rayuan hanya terdapat dalam A 55 k 2 KMT (yang telah dipinda dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 1991). Peruntukannya adalah seperti berikut:

(1) Perayu hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian kepadanya notis dalam Borang 141 di bawah Aturan 49, kaedah 2 subkaedah (4) atau kaedah 3 subkaedah (2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 (mengikut mana yang berkenaan), memfailkan di Mahkamah Tinggi suatu memorandum rayuan dalam Borang 113A dalam dua salinan. A

(2) Perayu hendaklah dalam tempoh yang sama menyampaikan kepada setiap responden suatu salinan memorandum sedemikian dan suatu salinan rekod rayuan. B

Dengan peruntukan yang telah dipinda seperti di atas, kedudukan kini adalah jelas iaitu memorandum rayuan perlu difailkan dan diserahkan kepada pihak lawan dalam tempoh dua minggu daripada tarikh penerimaan Borang 141. Memandangkan ini tidak dipatuhi, perayu boleh dianggap tidak lagi berhasrat untuk meneruskan dengan rayuannya. Tidak dinafikan sebelum pindaannya, A 55 k 2 ini telah menimbulkan perbezaan tafsiran antara mahkamah-mahkamah tetapi semuanya telah selesai. Akibat pindaan kepada A 55 k 2 ini telah diterangkan oleh KC Vohrah H (beliau pada masa itu) apabila menolak permohonan-permohonan lanjutan tempoh untuk memfail rekod dan memorandum rayuan serta lanjutan tempoh untuk membayar cagaran kos rayuan di dalam kes *Parasuraman v Sazali bin Akhir & Anor* [1993] 1 MLJ 195. Di ms 198, Yang Arif itu telah menyatakan seperti berikut: C D

> With the intervention of legislation, the conflict in the judicial views has been resolved. The anomaly has been resolved with the amendment of O 55 r 2 of the RHC [Rules of the High Court 1980] by PU(A) 462/90 as pointed out in *Elayachee* [*Elayachee v Woo Siu Tip* [1991] 3 MLJ 108]. It came into effect on 1 January 1991 ... . E

Dan di ms 199–200 pula, Yang Arif menyambung: F

> As pointed out, a memorandum of appeal will also have to be prepared and filed in the High Court within 14 days of the date of receipt of the notification in Form 141. And under O 55 r 2(2) of the RHC, the appellant shall within the same 14 days serve on the respondent a copy of the memorandum ... . G

Tetapi penolakan dalam kes itu dibuat kerana lanjutan tempoh diputuskan tidak perlu memandangkan notis yang dikeluarkan oleh mahkamah didapati tidak mengikut Borang 141 yang ditetapkan dan telah mengelirukan, oleh itu tidak sah. Lebih hampir kepada kes sekarang ialah kes *Siang Galau v Ang Wak Hiong* [1994] 1 MLJ 42 di mana responden telah membangkitkan bantahan awal bahawa memorandum rayuan difail dan salinannya diserahkan kepada responden di luar tempoh dan tiada alasan kelewatan ditunjukkan. Chong Siew Fai H (beliau pada masa itu) telah menolak rayuan itu dengan kos setelah turut memilih untuk mengikuti keputusan kes *Elayachee v Woo Siu Tip* [1991] 3 MLJ 108. Di ms 45–46, Yang Arif berkata: H I

> Now, reading O 55 r 2(1) and (2) of the RHC [Rules of the High Court 1980] in conjunction with that of O 49 r 2(4) of the SCR [Subordinate Courts Rules

A 1980], it appears clear that the memorandum of appeal must be filed and a copy thereof served on the respondent/plaintiff within 14 days after service of Form 141 on the appellant who is represented.

For the above reasons, I hold that the memorandum of appeal herein ... was filed and served out of time .... No extension of time was applied for and obtained .... The appeal, therefore, must and is hereby dismissed with costs B ... .

Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah ini, tarikh akhir untuk pemfailan memorandum rayuan dikira daripada tarikh Borang 141 diterima (14 November 1997), adalah pada 28 November 1997. Oleh itu, walaupun memorandum rayuan telah difailkan mengikut tempoh pada 27 November C 1997, namun demikian, penyerahannya kepada peguam responden pada 29 November 1997 adalah ternyata di luar tempoh. Keadaan ini menggerakkan A 55 k 4(3) KMT yang memperuntukkan bahawa jika memorandum rayuan tidak difail atau diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan dan tiada alasan yang mencukupi ditunjukkan bagi kelewatan D itu, maka rayuan itu boleh ditolak. Di sini bukan sahaja perayu lewat menyerahkan memorandum rayuan tetapi langsung gagal menjelaskan sebab kelewatannya itu. Kegagalan sedemikian tidak memberi ruang kepada mahkamah untuk memberi kelonggaran kerana tiada asas untuk berbuat demikian. Hujahan jawapan peguam perayu sendiri membayangkan sama ada beliau tidak menyedari ataupun tidak E mengetahui mengenai pindaan yang telah dibuat kepada A 55 k 2 tersebut kerana beliau masih merujuk kepada tempoh enam minggu. Dan mahkamah lazimnya sukar untuk membenarkan lanjutan tempoh atas alasan kesilapan undang-undang atau peguam atau kejahilan tentang prosedur (lihat *Liew Chee Tat v Lok Moon & Ors* [1972] 2 MLJ 29 dan *Latchman Singh & Sons v Tan Kian* [1991] 1 CLJ 128, [1605] MD 2).

F Keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Ramli bin Zakaria* perlu dibezakan kerana di situ tiada peruntukan menetapkan supaya fee pemfailan mesti dibayar sebelum dokumen difailkan. Oleh itu, mahkamah telah memutuskan bahawa pendaftar sebagai seorang pegawai mahkamah mempunyai budibicara untuk membenarkan dokumen difailkan sebelum G fee yang perlu dibayar untuknya diterima. Mahkamah Rayuan dalam kes *UMBC* pula mendapati peruntukan undang-undang yang bercanggah tentang tempoh masa untuk memfailkan rayuan, oleh itu telah mengambil jalan tengah untuk mengabai isu-isu yang dianggap teknikal. Dalam kes sekarang, bukan sahaja terdapat peruntukan jelas yang menetapkan tempoh penyerahan tetapi juga diperuntukkan akibatnya jika penyerahan gagal H dibuat dalam tempoh dan tiada alasan yang munasabah diberikan atas kelewatan itu. Apa yang tersirat ialah keperluan memohon lanjutan tempoh itu sekira tidak dipatuhi kerana dengan cara itu sahaja alasan kelewatan dapat diberikan dan budibicara mahkamah dijalankan.

Mengenai cagaran kos yang diakui hanya dibayar ke mahkamah di luar I tempoh pada 28 Disember 1997, A 49 k 2(5)(b) KMR jelas mengkehendaki ianya dibayar dalam tempoh dua minggu daripada penerimaan Borang 141. Aturan 49 k 2(5)(b) adalah seperti berikut:

(5) Dalam masa 14 hari dari penerimaan pemberitahuan itu, perayu hendaklah, melainkan jika, kerana sebab yang mencukupi, diperintahkan selainnya oleh Mahkamah —

(a) ...

(b) menyerahsimpan di Mahkamah yang terhadapnya rayuan dibuat sejumlah wang sebanyak dua ratus lima puluh ringgit, atau sejumlah wang yang kurang daripada itu sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah dalam apa-apa hal, sebagai jaminan untuk kos rayuan.

Kegagalan mematuhinya adalah membawa padah kerana bayaran sedemikian diperuntukkan dengan jelas sebagai suatu kemestian melainkan mahkamah memerintahkan sebaliknya dan itu pun hanya dibenarkan atas sebab yang mencukupi. Di sini, walaupun perayu dan/atau peguamnya mengetahui bahawa mereka tidak mematuhi peruntukan tersebut, tiada sebarang permohonan perlanjutan masa difailkan yang boleh menunjukkan alasan yang memadai dan munasabah bagi kelewatan tersebut untuk diberi pertimbangan. Juga tidak ditunjukkan apa-apa sebab bagi membolehkan mahkamah ini membenarkan lanjutan tempoh. Sebaliknya, A 49 k 2(5)(b) KMR sendiri menetapkan bahawa kuasa berbuat demikian hanya ada pada mahkamah yang dirayu sahaja (rujuk takrif 'mahkamah' di A 1 k 6 KMR dan lihat juga *Tan Lee Hong v Letchmee (Representative of the estate of Varathen, decd)* [1994] 1 MLJ 515 di ms 518–519). Begitu juga diperuntukkan oleh A 3 k 5 KMR. Dalam keadaan yang wujud di sini, ia semestinya menunjukkan pihak perayu tidak lagi berhasrat untuk meneruskan dengan rayuannya. Mana-mana pihak dalam sesuatu prosiding tidak wajar dibiarkan dengan sewenang-wenangnya tidak mematuhi peruntukan undang-undang dan kemudian menuntut diberi kelonggaran tanpa asas dan seolah-olah ia berhak.

Berdasarkan kepada apa yang dinyatakan di atas, adalah jelas kedua-dua ketakpatuhan, iaitu kelewatan menyerahkan memorandum rayuan kepada peguam responden dan keduanya kegagalan membuat pembayaran cagaran kos rayuan dalam tempoh yang ditetapkan adalah perkara-perkara yang tidak lagi boleh diperbetulkan di bawah A 2 k 1 KMT. Kedua-duanya merupakan luar aturan yang substantif dan prasyarat kepada rayuan perayu. Ini memandangkan A 55 k 2 KMT dan A 49 k 2(5)(b) KMR telah dengan jelasnya memperuntukkan prosedur yang perlu dipatuhi oleh setiap perayu yang diwakili peguam. Peraturan-peraturan yang sama juga dengan nyata menetapkan keadaan-keadaan di mana mahkamah boleh menggunakan budibicaranya untuk memberi kelonggaran dan syarat-syarat itu tidak ditunjukkan telah dipenuhi. Adalah tidak terbuka kepada mahkamah untuk bertindak atas bidang kuasa sedia adanya (inherent jurisdiction) jika apa yang hendak dilakukan itu bertentangan dengan peruntukan undang-undang yang nyata. Mahkamah tiada bidang kuasa untuk melakukan sesuatu yang dilarang atau menyalahi sesuatu yang diarah oleh undang-undang. Saranan perayu supaya mahkamah menggunakan bidang kuasa sedia ada dengan hormatnya adalah salah faham (misconceived) semata-mata. Memang benar mahkamah boleh bertindak demi keadilan tetapi keadilan itu mestilah daripada kaca mata undang-undang dan bukan mengikut persepsi atau perasaan hakim bicara.

A Oleh yang demikian, kedua-dua bantahan awal oleh peguam responden diterima dan rayuan perayu dibatalkan dengan kos. Deposit diperintahkan dibayar kepada responden atas akaun kos.

Bantahan awal responden diterima dan rayuan perayu dibatalkan dengan kos, deposit dibayar kepada responden.

B

Dilaporkan oleh Anitha MI Raman

C

D

E

F

G

H

I